



---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**13 SEPTEMBER 2023 (RABU)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**13 SEPTEMBER 2023 (RABU)**

## Johor Bahru kurang ibukota bekalan gula kasar

**JOHOR BAHRU:** Bekalan gula pada harga RM2.85 sekilogram semakin sukar diperoleh di bandar raya ini sejak beberapa hari lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kawasan termasuk di Taman Mount Austin, Taman Suria, Taman Sentosa, Kempas dan Bandar Dato' Onn mendapati bekalan itu sukar diperoleh khususnya di kedai-kedai runcit, manakala di beberapa pasar raya, setiap pembeli hanya dibenarkan membeli dua peket gula satu kilogram.

Seorang pengguna, Radiah Saori, 43, memberitahu, bekalan itu semakin sukar diperoleh sejak beberapa hari lalu.

"Beberapa hari ini memang sukar dapatkan bekalan gula. Jika ada sekalipun, ia melibatkan gula halus atau gula putih premium yang dijual pada harga lebih tinggi.

"Apabila harga bahan-

ia sedikit sebanyak turut meningkatkan kos sara hidup kami sekeluarga. Selain itu, saya juga terpaksa pergi ke beberapa lokasi berlainan untuk mendapatkan bekalan gula, itupun dihadkan pembelian," katanya yang merupakan ibu kepada tiga orang anak.

Justeru, Radiah yang merupakan seorang pekerja swasta berharap pihak berkuasa dapat memantau bekalan gula kasar yang sememangnya merupakan keperluan asas rakyat.

Bagaimanapun, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Johor, Lilis Saslinda Pornomo memaklumkan, pihaknya tidak menerima sebarang aduan tentang kekurangan bekalan gula kasar bersubsidi di negeri ini.

"Setakat ini, kita tidak terima aduan ketidaaan bekalan gula. Di Johor tiada isu, sebaliknya dalam makluman kita bekalan gula sentiasa ada," ujarnya.



**BEKALAN** gula kasar bersubsidi sekilogram sukar diperoleh di kedai-kedai runcit di sekitar Johor Bahru manakala pasar raya pula menetapkan had pembelian.

Ada kedai hadkan pembelian hanya dua peket

# Sukar cari gula kasar di Johor Bahru

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

**JOHOR BAHRU** – Bekalan gula khususnya gula kasar bersubsidi RM2.85 sekilogram semakin sukar diperoleh di bandar raya ini, sejak beberapa hari lalu.

Tinjauan di beberapa kawasan termasuk di Taman Mount Austin, Taman Suria, Taman Sentosa, Kempas dan Bandar Dato' Onn mendapati bekalan itu sukar diperoleh, khususnya di kedai-kedai runcit.

Beberapa pasar raya pula mendapati bekalan gula dapat dibeli dengan bersyarat, seorang pembeli dibenar membeli sebanyak dua peket sekilogram.

Harga jualan didapati mematuhi had ditetapkan iaitu RM2.85 sekilogram bagi gula kasar dan RM2.95 sekilogram gula halus.

Sementara gula putih premium dijual pada harga RM4.70 sekilogram.

Seorang pengguna, Radiah Saori, 43, memberitahu, bekalan itu semakin sukar diperoleh pengguna sejak beberapa hari lalu.

"Beberapa hari ini memang sukar dapatkan bekalan gula. Jika ada sekali pun, putih premium yang dijual pada harga lebih tinggi.

"Saya menetap bersama keluarga mertua, jadi bekalan bahan asas termasuk gula perlu banyak. Apabila harga bahan-bahan asas itu meningkat, ia turut meningkatkan kos sara hidup kami sekeluarga.

"Selain itu, saya juga terpaksa berkunjung ke beberapa lokasi berlainan untuk mendapatkan

bekalan gula, itu pun dihadkan pembelian," katanya yang merupakan ibu kepada tiga orang anak.

Dalam pada itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo memaklumkan pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung kekurangan bekalan gula kasar bersubsidi di negeri ini.

"Setakat ini, kita tidak terima aduan ketiadaan bekalan gula. Di Johor tiada isu, sebaliknya dalam makluman kita bekalan gula sentiasa ada.

"Walau bagaimanapun, jika pengguna mendapati ada gangguan bekalan di kawasan mereka, boleh salurkan aduan kepada KPDN Johor untuk tindakan susulan diambil," ujarnya.



BEKALAN gula kasar bersubsidi sekilogram sukar diperoleh di kedai-kedai runcit dan dihadkan pembelian kepada dua peket seorang sahaja di sekitar Johor Bahru.

## Buka stesen minyak mini haram, jual diesel bersubsidi



Norena (kiri) menunjukkan tangki yang digunakan sindiket penyeleweng minyak diesel bersubsidi di Paya Rumput pada Selasa.

MELAKA - Taktik sindiket penyeleweng minyak diesel bersubsidi yang menjadikan sebuah gudang sebagai stesen minyak mini sejak lebih sebulan lalu di Paya Rumput di sini terbongkar.

Kegiatan haram itu berjaya dihindu Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman yang membuat serbuan pada tengah malam Isnin sebelum menyerahkan kes itu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Melaka pada Selasa.

Pengarah KPDN negeri, Norena Jaafar berkata, periksaan di premis itu menemui sejumlah 25,000 liter minyak diesel bersubsidi bernilai

hampir RM87,500 yang dipercayai untuk dijual semula secara haram.

Menurutnya, sindiket itu beroperasi menggunakan dua premis dan salah sebuah dijadikan sebagai stesen minyak mini bagi memudahkan lori-lori industri membeli dan mengisi minyak dengan harga lebih murah berbanding harga pasaran.

Tambahnya, empat lelaki warga tempatan berusia 20-an hingga 40-an ditahan dan dipercayai ini merupakan modus operasi terbaru yang digunakan sindiket untuk mengaburi pihak berkuasa.

"Mereka menggunakan dua premis, satu premis dijadikan

sebagai simpanan diesel dan satu lagi premis dijadikan sebagai tempat kenderaan mengisi minyak," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Ujarnya, bangunan itu turut menjadi kediaman suspek berdasarkan kemudahan yang dibina termasuk dapur memasak.

Jelasnya, kesemua kendaraan dan peralatan lain disita untuk siasatan lanjut.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM320,000.

"Siasatan masih dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu lain yang terlibat dalam aktiviti tersebut," katanya.

## Pajero bawa minyak masak peket seludup terbalik

**PASIR MAS** - Sebuah pacuan empat roda jenis Mitsubishi Pajero yang membawa 1,349 kilogram (kg) minyak masak peket untuk diseludup ke negara jiran terbalik semasa dikejar anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KDPN) pada Isnin.

Kenderaan yang dipandu suspek berusia 29 tahun itu hilang kawalan dan terbabas semasa melalui selekoh di persimpangan lampu isyarat Kampung Gaung, dekat sini kenderaan dipandu suspek terbabas di selekoh dan terbalik sehingga ke laluan bersebelahan.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, bertindak atas maklumat risikan sepasukan anggota telah mengesan kenderaan yang dipandu suspek di Selising, Pasir Puteh.

"Menyedari kehadiran anggota KDPN, suspek telah bertindak memecut

laju kenderaannya sejauh 50 kilometer melalui jalan Kok Lanas - Kemubu - Pendek menghala ke Pasir Mas," katanya semasa dihubungi pada Selasa.

Menurut beliau, sejurus tiba di persimpangan lampu isyarat Kampung Gaung, dekat sini kenderaan dipandu suspek terbabas di selekoh dan terbalik sehingga ke laluan bersebelahan.

Ujarnya, anggota terus bertindak menahan suspek yang berada dalam kenderaan tersebut.

Azman memberitahu, pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan yang terbalik tersebut menemui anggaran barang kawalan minyak masak bersubsidi 1,349 kg dengan nilai rampasan anggaran sebanyak RM3,372.50.

Katanya, suspek kini ditahan bagi membantu siasatan dan kes di siasat Akta Kawalan Bekalan 1961.



Sebuah pacuan empat roda jenis Mitsubishi Pajero yang membawa 1,349kg minyak masak peket untuk diseludup ke negara jiran terbalik semasa dikejar anggota penguat kuasa KDPN.



---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

**13 SEPTEMBER 2023 (RABU)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Sep	Pengguna resah gula pasir sukar diperoleh di JB	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/461755">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/461755</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
13-Sep	Pengguna resah gula pasir sukar diperoleh di JB	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2224885">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2224885</a>	BERNAMA
13-Sep	Pajero bawa minyak masak peket seludup terbalik	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/278577/berita/semasa/pajero-bawa-minyak-masak-peket-seludup-terbalik">https://www.sinarharian.com.my/article/278577/berita/semasa/pajero-bawa-minyak-masak-peket-seludup-terbalik</a>	SH
13-Sep	Stor haram simpan minyak diesel bersubsidi di ladang kelapa sawit diserbu	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/12/stor-haram-simpan-minyak-diesel-bersubsidi-di-ladang-kelapa-sawit-diserbu/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/12/stor-haram-simpan-minyak-diesel-bersubsidi-di-ladang-kelapa-sawit-diserbu/</a>	KOSMO
13-Sep	KPDN Perak berjaya sita diesel bernilai lebih RM300,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/70833-kpdn-perak-berjaya-sita-diesel-bernilai-lebih-rm300-000">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/70833-kpdn-perak-berjaya-sita-diesel-bernilai-lebih-rm300-000</a>	BERITARTM
13-Sep	Buka stesen minyak mini khas untuk jual diesel bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009089/buka-stesen-minyak-mini-khas-untuk-jual-diesel-bersubsidi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009089/buka-stesen-minyak-mini-khas-untuk-jual-diesel-bersubsidi</a>	HM
13-Sep	Man caught with subsidised cooking oil in high-speed chase	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/09/954457/man-caught-subsidised-cooking-oil-high-speed-chase">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/09/954457/man-caught-subsidised-cooking-oil-high-speed-chase</a>	NST
13-Sep	Penyeludup nyaris maut pajero bawa minyak masak peket terbalik	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/penyeludup-nyaris-maut-pajero-bawa-minyak-masak-peket-terbalik/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/penyeludup-nyaris-maut-pajero-bawa-minyak-masak-peket-terbalik/</a>	UM
13-Sep	Pajero terbalik, lelaki ditahan seludup minyak masak subsidi	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/12/pajero-terbalik-lelaki-ditahan-seludup-minyak-masak-subsidi/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/12/pajero-terbalik-lelaki-ditahan-seludup-minyak-masak-subsidi/</a>	FMT
13-Sep	KPDN Melaka sita 25,000 liter minyak diesel bersubsidi	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2224988">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2224988</a>	BERNAMA

13-Sep	KPDN Melaka sita 25,000 liter minyak diesel bersubsidi	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/kpdn-melaka-sita-25000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-JM11482694">https://www.thesundaily.my/cerita/kpdn-melaka-sita-25000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-JM11482694</a>	THESUNDAILY
13-Sep	Stesen minyak mini jual diesel haram diserbu	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/09/12/stesen-minyak-mini-jual-diesel-haram-diserbu/">https://malaysiagazette.com/2023/09/12/stesen-minyak-mini-jual-diesel-haram-diserbu/</a>	MALAYSIAGAZETTE
13-Sep	Melaka akan perkenal garis panduan, SOP atasi masalah kekurangan beras tempatan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-akan-perkenal-garis-panduan-sop-atasi-masalah-kekurangan-beras-tempatan-437042%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-akan-perkenal-garis-panduan-sop-atasi-masalah-kekurangan-beras-tempatan-437042%3famp=1</a>	ASTROAWANI